



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2025

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

SEJARAH

1249/2

Kertas 2

Ogos 2025

PERATURAN PEMARKAHAN

SEJARAH

KERTAS 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

NAMA PEMERIKSA	:	
NAMA SEKOLAH	:	
TANDA TANGAN PENERIMAAN PERATURAN PERMARKAHAN	:	
TARIKH	:	
COP SEKOLAH	:	


Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 28 halaman bercetak.

Soalan	Perkara / Huraian	Markah
1 (a)	<i>Nyatakan dua tindakan Bintang Tiga Tersebut.</i> F1 Menguasai bandar, balai polis, pejabat pentadbiran kerajaan. F2 Menjalankan undang-undang sendiri. F3 Menjatuhkan hukuman mati terhadap sesiapa yang bekerjasama dengan Jepun. F4 Menyiksa dan membunuh anggota polis, askar, pegawai daerah dan pasukan sukarelawan Melayu. F5 Mengancam institusi politik, kekeluargaan dan agama Islam. F6 Mengganggu urusan keagamaan di surau dan masjid. [Mana-mana 2F x 1m]	1 1 1 1 1 1 [2m]
1 (b)	<i>Jelaskan tindak balas orang Melayu terhadap tindakan Bintang Tiga di 1(a).</i> F1 Membentuk Gerakan Fi-Sabilillah. F2 Mempertahankan maruah bangsa, hak dan harta serta kelangsungan hidup. F3 Kepimpinan ulama tempatan memberi inspirasi berhadapan dengan kezaliman Bintang Tiga. F4 Haji Salleh Abdul Karim (Kiai Salleh) mempelopori penentangan. F5 Penubuhan pasukan Tentera Selempang Merah. F6 Tuan Haji Bakri Haji Mohd Saman menjadi Khalifah Parang Panjang. F7 Mempertahankan orang Melayu daripada ancaman Bintang Tiga. [Mana-mana 4F x 1m]	1 1 1 1 1 1 1 [4m]
1 (c)	<i>Mengapakah keharmonian kaum di negara kita perlu dipelihara?</i> F1 Mengekalkan keamanan negara F2 Melahirkan masyarakat yang saling menghormati F3 Memupuk perasaan muhibbah F4 Membentuk identiti bangsa Malaysia yang bersatu padu F5 Memupuk kerjasama antara kaum F6 Menjamin kesejahteraan negara (Mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 4F x 1m]	1 1 1 1 1 1 [4m]

Soalan	Perkara / Huraian	Markah
2 (a)	<i>Nyatakan dua objektif pembentukan CLC.</i> F1 Mengkaji hubungan kaum secara mendalam. 1 F2 Membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial. 1 F3 Mewujudkan pembahagian yang adil untuk semua 1 F4 komuniti. 1 Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibbah. [Mana-mana 2F x 1m]	[2m]
2 (b)	<i>Jelaskan peranan CLC dalam menyelesaikan isu tersebut.</i> F1 Mencadangkan peralihan ke arah berkerajaan sendiri. 1 F2 Memberikan pengalaman pilihan raya secara berperingkat kepada penduduk Tanah Melayu. 1 F3 Bersetuju orang Melayu wajar mempunyai kedudukan istimewa kerana menunjukkan taat setia. 1 F4 Mencadangkan penubuhan agensi 1 F5 Meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu. 1 F6 Bersetuju kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu. 1 F7 Memupuk taat setia kepada Tanah Melayu. 1 F9 Menjalin kerjasama dalam kalangan penduduk. 1 F10 Mencadangkan sistem pendidikan yang seragam. 1 F11 Memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum. 1 [Mana-mana 4F x 1m]	[4m]
2 (c)	<i>Maklumat berikut berkaitan peranan pemimpin politik Ulasakan.</i> F1 Pemimpin politik berperanan sebagai penghubung. 1 F2 Mengeratkan semangat perpaduan. 1 F3 Menyelesaikan sesuatu isu secara baik. 1 F4 Mewujudkan kestabilan politik 1 F5 Mengurangkan sentimen perkauman 1 F6 Mengeratkan hubungan antara pemerintah dan rakyat 1 (Mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 4F x 1m]	[4m]

Soalan	Perkara / Huraian	Markah
3(a)	<i>Senaraikan dua keunikan amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita.</i> F1 Gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran. 1 F2 Mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran. 1 F3 Kuasa budi bicara raja. 1 F4 Kerjasama politik. 1 [Mana-mana 2 x 1m] [Mak 2m]	
3(b)	<i>Jelaskan keunikan amalan Demokrasi Berparlimen di 3(a).</i> Gabungan Unsur Tradisional dan Moden dalam Pentadbiran F1 Unsur tradisional terletak pada kedudukan raja sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu. 1 F2 Unsur moden pula ialah Demokrasi Berparlimen berdasarkan model Westminster England. 1 F3 Kombinasi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. 1 F4 Mengimbangi amalan demokrasi dalam persekitaran sosiopolitik di negara kita yang mempunyai kepelbagaian bangsa, agama dan budaya. 1 Mekanisme Semak dan Imbang dalam Pentadbiran F5 Pemerintahan beraja berperanan bagi mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana raja berkecuali dalam hal politik/ ekonomi/ dasar negara. 1 F6 Kuasa pengimbang yang ada pada raja mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi. 1 F7 Seperti pertikaian parti politik yang pelbagai ideologi/ perselisihan antara kaum. 1 F8 Mekanisme semak dan imbang juga berlaku melalui pengasingan kuasa/ badan perundangan/ eksekutif/ kehakiman. 1 F9 Badan perundangan diberi peranan menggubal undang-undang/ dilaksanakan oleh badan eksekutif. 1 F10 Konflik/Kekeliruan diselesaikan badan kehakiman 1	

		Kuasa Budi Bicara Raja F10 Kuasa yang boleh dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar/ menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu. 1 F11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa budi bicara kepada Yang di-Pertuan Agong. 1 F12 Pelantikan ketua Kerajaan Persekutuan/ Perdana Menteri. 1 F13 Raja/ Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa budi bicara melantik ketua Kerajaan Negeri/Menteri Besar/ Ketua Menteri. 1 F14 Yang di-Pertuan Agong juga mempunyai kuasa budi bicara untuk tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen. 1 F15 Raja dan Yang di-Pertua Negeri pula mempunyai kuasa budi bicara tidak memperkenankan pembubaran DUN. 1 Kerjasama Politik F16 Menekankan soal perkongsian kuasa antara kaum berdasarkan prinsip tolak ansur/ perundingan/ pengorbanan bagi memastikan suara setiap kaum diwakili. 1 F17 Permuafakatan pelbagai parti politik dalam satu gabungan membolehkan parti politik membentuk kerajaan/ berkongsi kuasa dalam pemerintahan negara. 1 F18 Pilihan raya pada tahun 1955, gabungan parti berasaskan kaum dibentuk atas nama Parti Perikatan. 1 F19 Barisan Nasional menang 13 kali pilihanraya umum. 1 F20 Pilihanraya 2018 dimenangi Pakatan Harapan. 1 [Mana-mana 4 x 1m] [Mak 4m]	
3(c)		<i>Sistem pemerintahan Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen membawa kebaikan kepada negara kita. Buktikan.</i> F1 Raja/ sultan simbol perpaduan rakyat. 1 F2 Hak asasi rakyat/ kebajikan rakyat terjamin. 1 F3 Mengelak penyalahgunaan kuasa secara mutlak. 1 F4 Rakyat bebas memilih pemimpin/ bentuk kerajaan. 1 F5 Pentadbiran adil dan telus. 1 F6 Kestabilan politik negara. 1 (Mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 4 x 1m] [Mak 4m]	

Soalan	Perkara / Huraian	Markah
4 (a)	Gambar berikut berkaitan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamed berdasarkan Wawasan 2020.  Mengapakah dasar tersebut diperkenalkan? F1 Mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan. 1 F2 Pembangunan seimbang antara negeri/ antara bandar dengan luar bandar. 1 F3 Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu. 1 F4 Memperkukuh kestabilan sosial/ politik/ pembangunan ekonomi yang berterusan. 1 F5 Malaysia mencapai taraf negara yang maju. 1 F6 Untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam/ Rancangan Malaysia Ketujuh. 1 [Mana-mana 3 x 1m] [Mak 3m]	
4 (b)	Bagaimanakah Dasar Pembangunan Nasional dilaksanakan? F1 Pembasmian kemiskinan 1 F2 Kerajaan meneruskan usaha untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan pelbagai kaum khususnya golongan bumiputera. 1 F3 Pemberian subsidi/ sokongan diteruskan kepada golongan penanam padi/ nelayan. 1 F4 Tumpuan diberikan ke arah mempertingkatkan produktiviti pengeluaran mereka. 1 F5 Golongan belia diberi latihan di agensi kerajaan. 1 F6 Pusat Latihan Kemahiran Giatmara. 1 F7 Institut Latihan Perindustrian (ILP). 1 F8 Untuk mendapatkan pekerjaan dalam bidang berkaitan. 1 F9 Menambahkan kemahiran rakyat. 1 F10 Mewujudkan masyarakat berpendapatan tinggi. 1	

F11	Penyusunan semula masyarakat	1
F12	Dilakukan dengan pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).	1
F13	Bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan (Perkara 153).	1
F14	Meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera dalam pengurusan sektor moden.	1
F15	Seperti pembuatan/ perkhidmatan.	1
F16	Latihan dalam bidang pengurusan harta/ perniagaan diberikan oleh agensi kerajaan.	1
F17	Pemberian kontrak/ kuota/ lesen kepada perniagaan milik bumiputera/ syarikat usaha sama dengan bukan bumiputera turut dilaksanakan.	1
F18	Perhatian khusus diberikan kepada penyertaan bumiputera dalam IKS.	1
F19	Usaha sama secara aktif antara bumiputera dengan bukan bumiputera digalakkan.	1
F20	Untuk membolehkan syarikat bumiputera meningkatkan prospek perniagaan	1
F21	Membolehkan bumiputera bersaing dalam perniagaan moden	1
F22	Mereka akan didedahkan dengan teknologi terbaharu/ modal/ maklumat pasaran/ hubungan perniagaan dalam pasaran antarabangsa.	1
F23	Memastikan corak tenaga kerja di pelbagai sektor/ pekerjaan dalam ekonomi .	1
F24	Bagi mencerminkan komposisi pelbagai kaum dalam negara.	1
F25	Penyusunan Semula Modal Saham	1
F26	Penyusunan semula modal saham dalam sektor korporat terus dilaksanakan di bawah DPN.	1
F27	Langkah ini dibuat supaya bahagian saham kaum bumiputera dapat dipertingkatkan selaras dengan matlamat asal DEB.	1
F28	Bagi mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus dalam pemilikan/penguasaan/pengurusan sektor moden.	1
F29	Melalui program penswastaan bagi memperuntukkan sejumlah saham untuk projek yang diswastakan kepada bumiputera.	1
F30	Penswastaan syarikat perniagaan milik agensi amanah yang dikhaskan untuk bumiputera.	1
F31	Seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA)/ Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)/ Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN).	1
F32	Kaum bukan bumiputera diberi peluang untuk menyertai projek penswastaan.	1

	F33	Pembangunan wilayah	1
	F34	Meningkatkan integrasi ekonomi yang saling melengkapi antara negeri.	1
	F35	Usaha memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah.	1
	F36	Memudahkan pencapaian kesamarataan pendapatan antara kaum.	1
	F37	Meningkatkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).	1
	F38	Konsep pertanian pintar digunakan untuk meningkatkan hasil pertanian.	1
	F39	Penyebaran industri terpilih digalakkan.	1
	F40	Mendorong sektor swasta menempatkan semula kilang tambahan di negeri yang kurang maju.	1
	F41	Dengan kemudahan fizikal/ pendidikan/ kesihatan/ perumahan.	1
	F42	Kawasan ini menjadi pusat pertumbuhan baharu ekonomi yang dapat menyumbang kepada pembangunan wilayah.	1
		[Mana-mana 3 x 1m]	[Mak 3m]
4 (c)		<i>Pembangunan negara penting dalam meningkatkan taraf hidup rakyat. Jelaskan.</i>	
	F1	Banyak peluang pekerjaan.	1
	F2	Kemasukan pelabur luar.	1
	F3	Peningkatan kemudahan asas / kehidupan selesa.	1
	F4	Jaringan jalan raya/kesihatan/ pendidikan/ perumahan.	1
	F5	Kualiti hidup meningkat.	1
	F6	Pendapatan rakyat meningkat.	1
		(Mana-mana jawapan munasabah)	[Mak 4m]

Soalan	Perkara / Huraian	Markah
5 (a)	<i>Jelaskan matlamat British Military Administration (BMA) diperkenalkan di Tanah Melayu.</i>	
F1	Mengembalikan kestabilan dan keamanan	1
H1a	BMA membubarkan pasukan MPAJA pada 1 Disember 1945.	1
H1b	Mengarahkan semua senjata yang diberikan kepada mereka semasa pendudukan Jepun dahulu dikembalikan.	1
H1c	BMA gagal mengumpulkan semula senjata tersebut.	1
H1d	Gagal membanteras kegiatan jenayah, keganasan, Kongsi gelap dan masalah ketegangan kaum.	1
F2	Memulihkan kepercayaan rakyat	1
H2a	Rakyat mengalami kesukaran hidup di bawah pemerintahan Jepun.	1
H2b	Bekalan makanan dan ubat-ubatan sukar didapati.	1
H2c	Harga yang melambung tinggi jika ada.	1
H2d	Wabak penyakit semakin mereka terutama penyakit beri-beri yang disebabkan kekurangan zat makanan.	1
H2e	Kebuluran berlaku di kebanyakan tempat.	1
H2f	Rakyat tidak mempunyai wang untuk membeli makanan.	1
H2g	kegiatan menyorok barang, amalan rasuah, peras ugut dan pasar gelap di Kuala Lumpur menjadi tidak terkawal.	1
H2h	Masalah ini gagal dibanteras oleh BMA.	1
H2i	Rakyat hidup dalam penderitaan dan kesengsaraan akibat pemerintahan Jepun.	1
H2j	Berharap dapat diselamatkan oleh pentadbiran BMA.	1
H2k	BMA mengambil alih pentadbiran bagi mengembalikan kepercayaan rakyat supaya menyokong kepulauan British di negara ini.	1
H2l	BMA berusaha memulihkan kerosakan infrastruktur akibat bencana peperangan.	1
		Mak 6m

5 (b)		Ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union meliputi aspek pentadbiran dan kewarganegaraan. Bincangkan.	
	F1	Kesatuan	1
	H1	NNMB, NNMTB dan NNS kecuali Singapura disatukan menjadi satu unit pentadbiran.	1
	F2	Raja-Raja Melayu	1
	H2	Sultan menjadi Ahli Majlis Raja-Raja yang hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu.	1
	F3	Ketua Pentadbir	1
	H3a	Malayan Union diketuai oleh Gabenor British yang dilantik oleh Raja England	1
	H3b	Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan Malayan Union dibentuk di bawah kawalan Pesuruhjaya Tinggi British	1
	F4	Kewarganegaraan	1
	H4a	Kewarganegaraan melalui prinsip <i>jus soli</i> menjadi asas kewarganegaraan Malayan Union	1
	H4b	Seluruh rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf sebagai warga Malayan Union	1
	H4c	Mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas serta bermastautin selama 10 tahun hingga 15 tahun akan diberikan kewarganegaraan	1
	H4d	Mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara, turut diberikan kewarganegaraan	1
			Mak 6m

5 (c)	<i>Beri mesej anda kepada pemimpin negara supaya pentadbiran negara lebih mantap</i> Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh: Mesej daripada poster: - Pemimpin perlu mementingkan kecemerlangan dalam pentadbiran membawa kepada pembangunan negara - seperti KLCC merupakan lambang kepada pembangunan negara yang pesat - Pemimpin menyediakan efisiensi pengangkutan awam yang memberikan kemudahan kepada rakyat dalam kehidupan seharian - seperti LRT /monorail/komuter/KTM/jaringan jalan raya - Terdedah dengan perkembangan teknologi terkini - Kualiti hidup rakyat meningkat dengan perkembangan fasiliti - seperti perkhidmatan kesihatan disediakan kerajaan Mesej kepada pemimpin: - Menggubal dasar yang mementingkan kebajikan rakyat dalam semua aspek - Mendengar pendapat rakyat agar pembangunan negara lebih mencerminkan keperluan rakyat - Memupuk perpaduan kaum yang berbilang bangsa untuk membentuk masyarakat yang kukuh dan bersatu padu - Memastikan pentadbiran penuh dengan integriti dan tiada ruang untuk perkara yang meruntuhkan pemerintahan yang cekap berlaku mana-mana jawapan munasabah Maklumat poster sahaja = maks 4 markah Mesej kepada pemimpin sahaja = maks 4 markah Maklumat & Mesej = maks 8 markah	7-8
-------	--	-----

	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan menarik Contoh:	5-6
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas Contoh:	3-4
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	1-2

Soalan	Perkara / Huraian	Markah
6 (a)	<i>Terangkan perkara yang menjadi Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.</i>	
F1	Memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu.	1
F2	Mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu.	1
F3	Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal/ bebas/ berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel.	1
F4	Berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan.	1
F5	Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat.	1
F6	Kerajaan negeri juga mempunyai autonomi tertentu.	1
F7	Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing.	1
F8	Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara/ iaitu Yang di-Pertuan Besar/ Yang di-Pertuan Agong untuk Persekutuan Tanah Melayu.	1
F9	Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu.	1
F10	Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu.	1
F11	Kepentingan sah kaum lain.	1
	[Mana-mana 6 x 1m]	[Mak 6m]
6 (b)	<i>Intipati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 menjadi asas Perlembagaan Persekutuan negara kita. Huraikan.</i>	
F1	Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.	1
F2	Seorang raja dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong.	1
F3	Dilantik dalam kalangan raja Melayu.	1
F4	Tempoh jawatan lima tahun sekali.	1
F5	Kewarganegaraan.	1
F6	Setiap orang yang lahir dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka akan menjadi warganegara.	1
F7	Kewarganegaraan melalui tiga cara.	1
F8	Melalui penguatkuasaan undang-undang.	1
F9	Memohon didaftarkan sebagai rakyat.	1
F10	Memohon menukar kewarganegaraan / naturalisasi.	1

	F11 Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain. F12 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu. F13 Rakyat keturunan Melayu diberi beberapa keutamaan dengan mengambil kira status sebagai penduduk asal. F14 Hak masyarakat lain tetap dipelihara / dilindungi. F15 Kedudukan agama Islam. F16 Agama Islam sebagai agama Persekutuan. F17 Agama lain bebas diamalkan dengan aman / damai. F18 Kedudukan bahasa Melayu. F19 Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan. F20 Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar/ bahasa komunikasi.	1 1 1 1 1 1 1 1 1	
	[Mana-mana 6 x 1m]	[Mak 6m]	
6 (c)	<i>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.</i> Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh : Maklumat petikan - Raja Berpelembagaan adalah satu kelangsungan pemerintahan beraja - Institusi Raja mengalami perubahan daripada sistem beraja mutlak kepada Raja Berpelembagaan - Sebelum Raja Berpelembagaan, Raja adalah tonggak berpusatnya kuasa dan arahan perundangan - Institusi Raja diikat dengan perlembagaan moden - Terdapat pihak yang menyebarkan perspektif negatif di media sosial	7-8	

	Maklumat pandangan calon - Sistem pemerintahan beraja mengekalkan warisan tradisi Kesultanan Melayu Melaka - Raja Berpelembagaan menjadi simbol kedaulatan negara - Sistem Raja Berpelembagaan merupakan identiti negara - Raja berperanan sebagai semak dan imbang dalam sistem demokrasi - Institusi Raja perlu dihormati oleh setiap lapisan masyarakat Maklumat dari petikan sahaja = maksima 4 markah Pandangan calon sahaja = maksima 4 markah Jika maklumat dari petikan tanpa pandangan calon atau sebaliknya = maksima 4 markah	
	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi /pengolahan menarik Contoh : Maklumat petikan - Raja Berpelembagaan adalah satu kelangsungan pemerintahan beraja - Institusi Raja mengalami perubahan daripada sistem beraja mutlak kepada Raja Berpelembagaan - Sebelum Raja Berpelembagaan, Raja adalah tonggak berpusatnya kuasa dan arahan perundangan Maklumat pandangan calon - Sistem pemerintahan beraja mengekalkan warisan tradisi Kesultanan Melayu Melaka - Raja Berpelembagaan menjadi simbol kedaulatan negara - Sistem Raja Berpelembagaan merupakan identiti negara	5-6



	Aras 2 - Pengetahuan dan pemahaman jelas - Jawapan kurang mendalam - Menyatakan hujah secara ringkas Contoh : Maklumat petikan - Raja Berpelembagaan adalah satu kelangsungan pemerintahan beraja - Institusi Raja mengalami perubahan daripada sistem beraja mutlak kepada Raja Berpelembagaan Maklumat pandangan calon - Sistem pemerintahan beraja mengekalkan warisan tradisi Kesultanan Melayu Melaka - Raja Berpelembagaan menjadi simbol kedaulatan negara	3-4
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum Contoh : Maklumat petikan - Raja Berpelembagaan adalah satu kelangsungan pemerintahan beraja Maklumat pandangan calon - Sistem pemerintahan beraja mengekalkan warisan tradisi Kesultanan Melayu Melaka (mana-mana jawapan munasabah)	1-2

Soalan	Perkara / Huraian	Markah
7 (a)	Jelaskan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam rajah berikut. (i) Pembangunan sosioekonomi: F1 Menubuhkan agensi yang dapat memberikan bantuan kewangan dan kepakaran kepada kerajaan negeri. 1 F2 Menyediakan tanah untuk tujuan pembangunan 1 F3 Pembangunan Tanah - Pembukaan tanah baharu dan pembangunan <i>in-situ</i> 1 F4 Menubuhkan Federal Land Development Authority (FELDA)/Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. 1 F5 Menubuhkan Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA)/Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan. 1 F6 FELCRA menyatukan,memulihkan dan membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar di seluruh negara. 1 F7 Pembangunan Wilayah- Pembangunan wilayah berdasarkan pembangunan kawasan. 1 F8 Kerajaan Persekutuan membuka kawasan lebih luas di beberapa buah negeri untuk membangunkan wilayah baharu. 1 F9 Agensi pembangunan di Sarawak, Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS), Lembaga Penyatuan Pemuliharaan Tanah Sarawak.(SALCRA). 1 F10 Agensi pembangunan di Sabah. Lembaga Kemajuan Tanah Sabah(SLDB) 1 F11 Pembangunan Koridor Wilayah- Pembanguan Koridor Wilayah berlandaskan projek pembangunan. 1 F12 Perancangan strategik jangka panjang 1 F13 Menumpukan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat. 1 F14 Mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah. 1	
	[Mana-mana 4 x 1m]	[Mak 4m]

	(ii) Pemuliharaan khazanah negara:	
F1	Pengurusan Taman negara	1
F2	Mewujudkan Akta Perlindungan Hidupan Liar/Akta 76	1
F3	Kerajaan Persekutuan mengambil alih pentadbiran semua Jabatan Mergastua Negeri di Semenanjung Malaysia.	1
F4	Pengurusan Taman Laut	1
F5	Mewartakan 42 Pulau di perairan Kedah, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Labuan sebagai taman laut sejak 1994.	1
F6	Kerajaan persekutuan membentuk dasar berkaitan taman laut.	1
F7	Kerajaan negeri berkuasa terhadap pembangunan pulau	1
F8	Penyelarasan pentadbiran taman laut melalui Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut.	1
F9	Rizab Laut yang dianggotai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.	1
F10	Jabatan Taman Laut Malaysia ditubuhkan sebagai agensi kerajaan negeri.	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[Mak 4m]
	(iii) Perumahan Rakyat:	
F1	Kerajaan Persekutuan menubuhkan kementerian kerajaan tempatan dan Perumahan	1
F2	Menyediakan perumahan kos rendah.	1
F3	Membina rumah untuk rakyat berpendapatan rendah	1
F4	Melaksanakan program Perumahan Rakyat (PPR) untuk membina perumahan awam di seluruh negara	1
F5	Menubuhkan agensi pembangunan negeri (PKNS)	1
F6	Menubuhkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak untuk membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah.	1
F7	Memperkenalkan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	1
F8	Majlis perumahan Negara ditubuhkan untuk merangka strategi menyediakan perumahan mampu milik.	1
F9	Menubuhkan pelbagai agensi	1
F10	Memperkenalkan pelbagai program khusus untuk membolehkan golongan pertengahan memiliki rumah	1
F11	Antara program peringkat persekutuan adalah perbadanan perumahan rakyat 1 Malaysia (PRIMA)	1
F12	Rumah Mesra Rakyat di bawah kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1
F13	Rumah Selangorku (Selangor)/Rumah Mampu Milik Johor (Johor)	1
	(Mana-mana jawapan berkaitan)	
	[Mana-mana 4 x 1m]	[Mak 4m]

Soalan	Perkara / Huraian	Markah
7(b)	Beri ulasan anda: Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh: Maklumat dalam petikan - Pewujudan <i>Eastern Sabah Security Command</i> (ESSCOM) di kawasan keselamatan khas sepanjang 1,400 kilometer di timur Sabah daripada ancaman pengganas Sulu - Ia merangkumi daerah Kudat, Tawau, Kunak, Sandakan dan Lahad - Datu akan membawa manfaat kepada negara. - Begitu juga dengan Kawasan Keselamatan Rajang (RASCOM) di Sarawak dalam menjamin keselamatan daripada ancaman komunis. - ESSCOM diwujudkan kerana negara menghadapi satu keadaan diancam musuh yang mempunyai senjata, - rakyat tidak selamat serta mampu menjejaskan ekonomi. - Ancaman ini tidak boleh dibiarkan berlaku dan kita yakin ESSCOM mampu membuahkan kejayaan seperti RASCOM yang dibubarkan pada 6 April 1995. - Model RASCOM masih relevan, strategik dan wajar diguna pakai pada abad ke-21 ini - kerana negara sedang menghadapi masalah yang sama iaitu berhadapan dengan musuh bersenjata yang menggugat keamanan negara.	7-8

	Ulasan: - Memantau dan menghalang pencerobohan, penculikan, penyeludupan, dan aktiviti kriminal rentas sempadan. - Mengukuhkan pengawasan maritim melalui sistem radar pesisir, aerostat, bot rondaan dan penerbangan pengawasan - Menjamin Keselamatan Zon Pantai Timur Sabah daripada ancaman pencerobohan bersenjata, penculikan dan jenayah lintas sempadan. - Mengurangkan Kegiatan Jenayah Rentas Sempadan seperti penyeludupan manusia, senjata, dadah dan barangan terlarang. - Meningkatkan Keyakinan Pelabur & Pelancong kerana kawalan keselamatan yang ketat membantu memulihkan imej kawasan yang pernah digelar 'zon panas'. - Memperkukuh Kerjasama Antara Agensi Keselamatan antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM, APM, Imigresen dan Kastam. Maklumat dari petikan = maksima 4 markah Sistem Persekutuan diperkukuhkan = maksima 4 markah Jika maklumat tanpa sistem atau sebaliknya = maksima 4 markah	
	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan menarik	5-6
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	3-4
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	1-2

Soalan	Perkara / Huraian	Markah
8 (a)	<i>Kerajaan telah memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) dalam usaha menangani isu pembangunan dan sosioekonomi negara</i> <i>Jelaskan isu yang perlu ditangani oleh pihak kerajaan</i> F1 Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah 1 F2 Kejatuhan harga bahan mentah 1 F3 Penduduk yang terlibat dalam bidang pertanian masing-masing ketinggalan terutamanya penggunaan teknologi dan peralatan 1 F4 Petani masih merupakan golongan berpendapatan rendah 1 F5 Pertanian komersial lain masih kurang diusahakan oleh petani 1 F6 Taraf hidup yang berbeza 1 F7 Peluang pekerjaan yang terhad 1 F8 Kadar pengangguran meningkat 1 F9 Masalah kesihatan dan sosial 1 F10 Keperluan asas dan hak wanita dari segi kehamilan yang terhad untuk memperoleh kesihatan terbaik 1 F11 Kurangnya kemudahan perkhidmatan kesihatan profesional kepada ibu-ibu yang mengandung 1 F12 Kadar kelahiran tidak normal dan kematian yang tinggi 1 [Mana-mana 6 x 1m] [Mak 6m]	

8 (b)	<i>Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi isu tersebut. Huraikan.</i> F1 Mempelbagaikan kegiatan ekonomi pertanian dan industri pemprosesan 1 F2 Mencari pasaran baharu bagi getah dan bijih timah 1 F3 Memperlbagaikan bidang pertanian terutama kelapa sawit dan koko 1 F4 Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara 1 F5 Melancarkan program pembangunan negara berasaskan satu rancangan bersepadu 1 F6 Menggerakkan aktiviti perkilangan dan pembuatan negara dengan membuka kawasan baharu 1 F7 Mempercepatkan integrasi dalam kalangan penduduk dan negeri di Malaysia 1 F8 Mendapatkan bantuan Bank Dunia 1 F9 Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal 1 F10 Meluaskan peluang pekerjaan kepada penduduk 1 F11 Mengurangkan kadar kelahiran 1 F12 Memperkenalkan program Perancang Keluarga 1 F13 Menambah baik perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar 1 (Mana-mana jawapan yang berkaitan) [Mana-mana 6 x 1m] [Mak 6m]	
8 (c)	<i>Jelaskan mesej yang terkandung dalam gambar tersebut dan huraikan kesan sekiranya isu pembangunan ekonomi negara tidak diatasi.</i> Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan	7-8

		Contoh: <i>Mesej yang terkandung dalam gambar</i> - Rancangan Malaysia Pertama membawa kemajuan dalam bidang pertanian - Tahap kesihatan penduduk semakin baik dengan pelbagai inisiatif kesihatan yang disediakan oleh kerajaan - Rakyat menikmati kesejahteraan hasil pentadbiran yang cekap - Peluang pendidikan melahirkan generasi yang berpengetahuan - Pemimpin yang berwibawa memacu kemajuan negara <i>Kesan sekiranya isu pembangunan ekonomi negara tidak di atasi</i> - Kemorosotan ekonomi yang menyebabkan penurunan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) - Peningkatan kos sara hidup kesan peningkatan kos barangan dan perkhidmatan - Pelabur asing tidak berminat untuk melabur dalam negara yang tidak stabil dari segi ekonomi - Peningkatan kadar pengangguran - Individu dan keluarga kehilangan sumber pendapatan (Mana-mana munasabah)	
		Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan menarik	5-6
		Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	3-4
		Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	1-2

Soalan	Perkara / Huraian	Markah
9 (a)	<i>Penyertaan Malaysia dalam ASEAN membawa manfaat yang besar kepada negara.</i> <i>(a) Jelaskan matlamat penubuhan ASEAN</i> F1 Memupuk hubungan/kerjasama serantau. 1 F2 Memperkukuh keselamatan/keutuhan/keamanan/kemantapan negara serantau. 1 F3 Menghalang negara anggota dari berpecah belah. 1 F4 Memberi manfaat ekonomi, sosial dan politik. 1 [Mana-mana 3 x 1m] [Mak 3m]	
9 (b)	<i>(a) Terangkan pelibatan Malaysia dalam perkara berikut:</i> <i>(i) Penyelesaian Konflik Serantau</i> F1 Menyelesaikan konflik dan pertikaian antara negara-negara anggota secara aman 1 H1a Konflik di Vietnam dan Kemboja berkaitan dengan ancaman komunis dan pelarian 1 H1b Malaysia menyeru agar kuasa besar tidak campur tangan dalam isu Vietnam 1 H1c Isu di Kemboja pula berjaya diselesaikan melalui pilihan raya pada tahun 1993. 1 H1d Malaysia turut menghantar pasukan pengaman di bawah PBB (Misi UNTAC) 1 [Mana-mana 3 x 1m] [Mak 3m] <i>(ii) Kerjasama Ekonomi</i> F1 Projek Industri ASEAN(API) dimulakan pada tahun 1978. 1 H1a Pengeluaran baja urea di Indonesia (1984) dan Malaysia (1986) 1 H1b Pengeluaran baja fostat dan kuprum di Filipina 1 H1c Penghasilan serbuk soda di Thailand 1 F2 Menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN 1 H2a Mewujudkan satu pasaran tunggal ASEAN yang bebas 1 H2b Seperti penggunaan mata wang ASEAN 1 F3 Skim Keutamaan Perdagangan (SKP) 1978 1 H3a Potongan cukai ke atas pelbagai jenis produk keluaran negara anggota ASEAN 1 [Mana-mana 3 x 1m] [Mak 3m]	

		(iii) Kerjasama Sosial	
	F1	Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO)	1
	H1a	Pertukaran pelajar	1
	H1b	Penubuhan pusat serantau pendidikan	1
	H1c	Pembinaan The Regional Centre for education in Science	1
	H1d	and Mathematics di Pulau Pinang (RESCAM)	1
	F2	Kerjasama dalam bidang kebudayaan	1
	H2a	Mengadakan festival kebudayaan dan kesenian	1
	H2b	Penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN	1
	F3	Kerjasama dalam bidang sukan	1
	H3a	Melaksanakan sukan SEA 2 tahun sekali	1

Soalan	Perkara / Huraian	Markah
9 (c)	<i>Teliti petikan di bawah</i> ISKANDAR PUTERI: Perkembangan ekonomi Malaysia bukan sahaja bergantung pada pasaran domestik tetapi juga pasaran antarabangsa. Kita sering berhadapan dengan sikap negara maju yang mengenakan pelbagai sekatan dan halangan perdagangan dalam bentuk tarif dan cukai. Malaysia bersuara agar diberikan layanan yang saksama kepada semua negara. Pandangan ini dibangkitkan dalam pelbagai forum antarabangsa termasuklah di PBB Dan Asia-Pasific Economic Cooperation (APEC) (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik). Negara akan terus menjalin kerjasama ekonomi dengan negara-negara kuasa dunia walaupun negara berada dalam blok atau pakatan bertentangan. “Jadi, walaupun berdepan tarif, kita perlu kekalkan kerjasama ekonomi kukuh dengan mereka. Bagaimanapun katanya, Malaysia juga akan kekal bersuara menentang kezaliman dunia khususnya melibatkan pergolakan antarabangsa “Tiada sesiapa boleh tentukan kerjasama kita sama ada dengan Amerika Syarikat (AS), China atau Jepun, ini kerana kita merupakan negara perdagangan. Ia mengulangi komitmen politik negara-negara ASEAN untuk membina rantau yang aman, stabil, selamat, makmur, inklusif, berasaskan undang-undang serta berorientasi dan berpusatkan rakyat. Ia bukan sekadar dokumen masa hadapan, tetapi satu pengesahan bahawa ASEAN bersedia menghadapi cabaran jangka panjang seperti perubahan iklim dan gangguan digital, sambil mengekalkan prinsip kepimpinan kolektif dan semangat serantau. Sumber diubah suai daripada : https://www.utusan.com.my/terkini/2025/06/malaysia-terus-jalin-kerjasama-ekonomi-dengan-negara-kuasa-dunia/ <i>Huraikan maklumat dalam petikan dan beri komen anda mengenai isu yang disentuh dalam petikan.</i>	

	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh: - Ekonomi Malaysia bukan hanya bergantung pada pasaran domestik, tetapi juga pada perdagangan global. - Malaysia berhadapan dengan sekatan dan tarif yang dikenakan oleh negara-negara maju. - Pendirian Malaysia di Forum Antarabangsa, Malaysia menuntut layanan perdagangan yang adil dan saksama untuk semua negara. - Perkara ini dibawa ke pelbagai forum seperti PBB dan APEC. - Malaysia tetap menjalin kerjasama ekonomi dengan kuasa dunia (AS, China, Jepun) walaupun terdapat halangan. - Hubungan ini penting kerana Malaysia ialah sebuah negara perdagangan. - Malaysia tidak berdiam diri terhadap kezaliman dan isu antarabangsa, malah terus bersuara menentang kezaliman dunia - ASEAN pula menegaskan komitmen terhadap keamanan, kemakmuran dan keterangkuman serantau. - ASEAN sentiasa bersedia menghadapi isu seperti perubahan iklim dan gangguan digital. Tetapi mengekalkan prinsip kepimpinan kolektif dan semangat serantau [mana-mana 8 x 1m]	7-8 [Mak 8m]
	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan menarik	5-6
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	3-4

		Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	1-2
--	--	--	------------